

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Program ditawarkan : **Program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (ZK01)**

Programme Educational Objectives

- PEO1 *Graduates possess positive personal values; subservient to God, responsible and dedicated to work in societies of diverse backgrounds in serving the Community and the Nation and able to communicate effectively across a range of contexts and audiences.*
- PEO2 *Graduates are technically competent and are able to apply their knowledge and skills in performing their duties professionally and ethically as an engineer, leader and/or manager while maintaining their professional development and contribution for the betterment of the Nation and Mankind.*
- PEO3 *Graduates possess military leadership and professional qualities contributing towards the development of the Nation and Worldwide with abilities to respond and adapt readily to changing situations including in time of emergency and during war.*

Programme Learning Outcomes

Technical Knowledge and Competencies

- PO1 Ability to acquire knowledge of sciences, civil and military engineering principles
- PO2 Ability to apply the techniques, skills and use modern civil engineering tools including project management and entrepreneurship
- PO3 Ability to utilize systems approach for analysis, design and develop experiments, components, systems or structures
- PO4 Ability to identify and solve civil engineering related problems

Generic Skills

- PO5 Ability to communicate effectively and with confidence
- PO6 Ability to respond and adapt to changing situations with special attention toward sustainable development, peace keeping and humanitarian needs
- PO7 Ability to function effectively as an individual and/or in a team to achieve common goals
- PO8 Ability to seek and acquire contemporary knowledge including in defence matter
- PO9 Ability to possess self-esteem with high regard toward social, cultural and global responsibilities
- PO10 Ability to apply high ethical standards and to elaborate on military organizations, basic combat equipment and current issues

Struktur Kursus dan Jumlah Kredit Keperluan Program

Pelajar perlu memenuhi keperluan 137 kredit dengan tempoh pengajian lapan (8) semester lazim, selain itu terdapat 8 kredit sebagai keperluan tambahan (elektif universiti) tertakluk kepada skim latihan yang diikuti. Hubungan kursus yang perlu diambil adalah sepertimana berikut :

COURSES	CREDIT
University	28
Faculty	25
Programme (Core)	78
Programme (Elective)	6
TOTAL CREDIT REQUIRED	137
University (Elective) ALK/PLS/or Replacement	8
GRAND TOTAL	145

Senarai Kursus Yang Ditawarkan

Kursus Teras Fakulti (25 Kredit)

Kod Kursus	Kursus	Kredit
EFG 1102	Introduction To Engineering	2
EFA 1103	Engineering Mathematics I (Calculus & Linear Algebra)	3
EFA 1203	Engineering Mathematics II (DE & Transform)	3
EFA 2203	Engineering Mathematics III (CIS and OR)	3
EFA 2203	Engineering Mathematics IV (Statistics)	3
EFC 1103	Computing I (C and C++)	3
EFC 1203	Computing II (Numerical Method & CE Softwares)	3
EFI 3315	Industrial Training	5
Jumlah		25

Kursus Teras Program (78 Kredit)

Kod Kursus	Kursus	Kredit
ECA 1112	Engineering Application (Laboratory)	2
ECA 1212	Introduction to Electrical Engineering	2
ECA 1223	Applied Mechanics	3
ECA 2133	Construction Materials and Technology	3
ECA 2113	Fluid Mechanic	3
ECA 2123	Mechanics of Materials	3
ECA 2143	Graphic & Engineering Drawing	3
ECA 2213	Engineering Hydrology	3
ECA 2223	Mechanics of Structure	3
ECA 2233	Geotechnic 1	3
ECA 2243	Geomatics	3
ECA 3113	Water Supply and Sewerage	3
ECA 3123	Structure Analysis	3
ECA 3133	Geotechnic 2	3
ECA 3143	Highway Engineering	3
ECA 3224	Reinforced Concrete Design	4
ECA 3152	Introduction to Engineering Design (Cornerstone Project)	2
ECA 3213	Hydraulics	3
ECA 3233	Civil Engineering Project Management	3

ECA 3243	Transportation Engineering	3
ECA 3252	Infrastructure Design Project (Capstone 1)	2
ECA 4123	Steel & Timber Structures Design	3
ECA 4142	Research Project I	2
ECA 4153	Structural Design Project (Capstone 2)	3
ECA 4213	Engineers in Community (Ethics and seminar)	3
ECA 4233	Engineering Contract, Estimation and Management	3
ECA 4244	Research Project II	4
Jumlah		78

Kursus Elektif Program (6 kredit)

Kod Kursus	Kursus	Kredit
ECA 5113	Military Engineers in Humanitarian and Peacekeeping Mission	3
ECA 5123	Portable and Floating Bridges	3
ECA 5133	Damage Assesment, Maintenance and Rehabilitation	3
ECA 5143	Environmental Engineering	3
ECA 5213	Nuclear Biological and Chemical Contamination	3
ECA 5223	Structure Subject to Blast	3
ECA 5233	Advanced Construction Material and Technology	3
ECA 5243	Construction Contract and Law	3
ECA 5253	Foundation Engineering	3

NATIONAL DEFENCE UNIVERSITY MALAYSIA
FACULTY OF ENGINEERING
BACHELOR OF CIVIL ENGINEERING
(Intake 2009/2010)

FIRST YEAR

COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
LAN1012	Islamic and Asian Civilizations	2		LAN1032	Ethnic Relations	2	
LEL1012	English 1 (Academic Writing)	2		LFL11x2	Foreign Language I	2	
DIS 1062	Military History	2		DIS 2012	Military Law	2	
EFA 1103	Engineering Mathematics I (Calculus 3)	3		EFA 1203	Engineering Mathematics II (Differential Equation)	3	
EFC 1103	Computing 1 (Programming: C dan C++)	3		ECA 1212	Introduction to Electrical Engineering	2	
EFG 1102	Introduction to Engineering	2		ECA 2133	Construction Materials and Technology	3	
ECA 1112	Engineering Application – Materials/ Soil/ Fluid	2		ECA 1223	Applied Mechanics	3	
ALK/PLS 1011	LKU 1 – Staff Duty & Military Knowledge	1		ALK/PLS 1021	LKU 2 – Administration & Military Law	1	
JUMLAH		17		JUMLAH		18	

↔ Limited resources – courses offered in both semester 1 & 2.

SECOND YEAR

COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
LAN1022	Malaysian Studies	2		LFL12x2	Foreign Language II	2	
LEL1122	English 2 (Oral Communication)	2		ECA 2213	Engineering Hydrology	3	
DIS 2022	Introduction to Strategic Studies	2		ECA 2223	Mechanics of Structure	3	ECA2123
EFA 2103	Engineering Mathematics III (CIS & OR)	3		ECA 2233	Geotechnics 1	3	
ECA 2113	Fluid Mechanic	3		ECA 3113	Water Supply & Sewerage	3	ECA2113
ECA 2123	Mechanics of Materials	3	ECA 1223	ECA 2243	Geomatics	3	
ECA 2143	Graphic & Engineering Drawing	3		ALK/PLS 2041	LKU 4 – Military Knowledge 2 & Pay and Account	1	
ALK/PLS 2031	LKU 3 – Staff Duty 2 & Teaching Methodology	1		JUMLAH		18	
JUMLAH		19		JUMLAH		18	

↔ Limited resources – courses offered in both semester 3 & 4.

THIRD YEAR

COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
EFC 1203	Computing 2 (Numerical Method & CE Softwares)	3		EFA 2213	Engineering Mathematics IV (Statistics)	3	
ECA 3123	Structure Analysis	3	ECA2223	ECA 3152	Introduction to Engr. Design (Cornerstone Project)	2	
ECA 3133	Geotechnics 2	3	ECA2233	ECA 3213	Hydraulics	3	ECA2113
ECA 3143	Highway Engineering	3		ECA 3233	Civil Engineering Project Management	3	
ECA 3224	Reinforced Concrete Design	4	ECA2223	ECA 3243	Transportation Engineering	3	
ALK/PLS 3051	LKU 5 – Military Law 2 & Pay and Account 2	1		ECA 4123	Steel & Timber Structures Design	3	ECA2223
	Co-Curriculum 1	1		ALK/PLS 3061	LKU 6 – Administration 2, Teaching Methodology 2 & Counselling	1	
JUMLAH		18		JUMLAH		18	

INTERSESSION 3

COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE
EFI 3315	Industrial Training –10 weeks	5	
	JUMLAH	5	

FOURTH YEAR

COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE
SEMESTER 7				SEMESTER 8			
LAN1042	Acculturation for Entrepreneurship	2		DIS 2052	Laws of Armed Conflict	2	
DIS 2032	Defence Technology	2		ECA 4153	Structural Design Project (Capstone 2)	3	ECA3252
DIS 2062	Organizational Leadership	2		ECA 4244	Research Project (Part 2)	4	ECA4142
ECA 3252	Infrastructure Design Project (Capstone 1)	2	ECA3152	ECA 4233	Engineering Contract, Estimation & Management	3	
ECA 4142	Research Methodology and Project (Part 1)	2		ECA 5xx3	Elective II	3	
ECA 4213	Engineers in Society (Ethics & Seminar)	3			Co-Curriculum 2	1	
ECA 5xx3	Elective I	3					
	JUMLAH	16			JUMLAH	16	

COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE
ELECTIVES			
ECA 5113	Military Engineers in Humanitarian & Peacekeeping Mission	3	
ECA 5123	Portable & Floating Bridges	3	
ECA 5133	Damage Assesment, Maintenance & Rehabilitation	3	
ECA 5143	Environmental Engineering	3	
ECA 5213	Nuclear Biological and Chemical Contamination	3	
ECA 5223	Structure Subject to Blast	3	
ECA 5233	Advanced Construction Material & Technology	3	
ECA 5243	Construction Contract and Law	3	
ECA 5253	Foundation Engineering	3	

KURSUS TERAS PROGRAM

ECA 1112 Aplikasi Kejuruteraan (*Engineering Application*)

Kredit (*Credit*): 2

Sinopsis (*Synopsis*):

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar dalam melakukan kerja-kerja praktikal di makmal kejuruteraan. Tugas-tugas meliputi kerja-kerja berkaitan konkrit termasuk mengadun, dan menguji semasa basah dan semasa keras menggunakan kaedah ujian musnah dan tak musnah, ujikaji tanah untuk memahami mekanik tanah dan sifat-sifat tanah dan ujikaji bendalir untuk memahami sifat dan mekanik bendalir.

This course exposed students in practical works in the engineering laboratory. The works include concrete batching, slump test, destructive and non destructive testings, soil testing to understand the soil mechanics and soil characteristic and fluids testings to understand the fluid mechanics and fluid characteristics.

Bahan Bacaan/ Rujukan (*Reading Materials/ References*):

- i. Holtzapple, M.T. dan Reece, W.D., 2000. *Foundations of Engineering*. McGraw-Hill: Singapore
- ii. Duncan, W.J., Thom, A.S. and A.D. Young. 1970. *Mechanics of Fluids*. 2nd. Edition. London.
- iii. Bardet, J.P. 1997. *Experimental Soil Mechanics*. New Jersey: Prentice-Hall.
- iv. Neville, Am, and Brooke JJ, 1990, *Concrete Technology*. Longman ELBS

ECA 1212 Pengenalan Kejuruteraan Elektrik (*Introduction To Electrical Engineering*)

Kredit (*Credit*): 2

Sinopsis (*Synopsis*):

Matlamat kursus ini ialah memberi kefahaman kepada semua pelajar kejuruteraan tentang bidang-bidang yang ada dalam kejuruteraan elektrik serta membincangkan penggunaannya dalam rangka membolehkan pelajar memahami perkembangan masa depan bidang tersebut. Kursus ini meliputi perbincangan asas rangkaian elektrik arus terus dan ulang alik serta penggunaannya dalam memahami operasi sistem kuasa, sistem elektrik domestik, peranti elektronik dan sistem digit.

Bahan Bacaan/ Rujukan (*Reading Materials/ References*):

- i. Hambley, A.R., 2002. *Electrical Engineering Principles and Applications*, Prentice-Hall, 2nd Edn..
- ii. Rizzoni, G., 2000, *Principle and Applications of Electrical Engineering*, 3rd Edn., McGraw Hill
- iii. Boylestad, R.L. dan Nashelsky, L., 1996. *Electronics: A Survey of Electrical Engineering Principles*, 4th Edn, Prentice-Hall.
- iv. Dorf R.C. dan Svoboda J.A., 1999: *Introduction to Electric Circuits*, 4th Edn, Wiley
- v. Hughes, E., 1988. *Teknologi Elektrik*, Longman, London.
- vi. Patrick, D.R. dan Fardo, S.W., 1999. *Electricity and Electronics: A Survey*, 4th Edn, Prentice-Hall.

Sinopsis (*Synopsis*):

Matlamat kursus ini adalah untuk mendedahkan dan kefahaman kepada pelajar tentang kegunaan kaedah vektor daya dan momen untuk menyelesaikan masalah di dalam kejuruteraan awam. Kursus ini terbahagi kepada dua : Statik dan Dinamik. Statik adalah mengenai keseimbangan zarah semasa tidak bergerak atau bergerak dengan halaju tetap. Pelajar akan didedahkan kepada daya paduan dan komponen daya, keseimbangan zarah, keseimbangan jasad tegar, pusat graviti, sentroid, momen inersia kedua dan geseran. Manakala dinamik pula meliputi jasad di bawah pecutan. Kinematik zarah dan jasad tegar akan dibincangkan dengan hubungkait di antara anjakan, halaju, dan pecutan melawan masa. Kinetik zarah dan jasad tegar kinetik pula akan didedahkan kepada konsep daya dan pecutan (hukum Newton Kedua), tenaga dan kerja, denyutan dan momentum. Konsep impak dan getaran juga akan diperkenalkan.

The aims of this course are for student to be exposed and create understanding on the application of vectors forces and moment in solving the engineering problems. Applied mechanics can be divided into two parts: Static and Dynamic. Statics deals with equilibrium of bodies, i.e., bodies that are at rest or moving with constant velocity. Students are exposed to topics on resultant and resolution of forces, equilibrium of a particle, and equilibrium of rigid bodies, centre of gravity and centroid, moment of inertia of an area, and friction. Meanwhile, dynamics explores topics concerned with the accelerated motion of bodies. Students are exposed to the finer details of kinematics and kinetics of particles and rigid bodies. Kinematics of particles and rigid bodies will be discussed on the relationship between displacement, velocity and acceleration against time. Kinetics of particles and rigid bodies will expose the concepts of force and acceleration (Newton's second law of motion), energy and work, and impulse and momentum. Concepts in impact and vibration (periodic motion of a body) would also be introduced.

Bahan Bacaan/ Rujukan (*Reading Materials/ References*):

- i. Hibbeler, R. C. (2007). *Engineering Mechanics Statics*. 11th Ed. SI. Singapore: Prentice Hall.
- ii. Hibbeler, R.C. (2004). *Engineering Mechanics: Dynamics*. S.I. Edition. Third Edition. Singapore: Prentice Hall.
- iii. Beer, F. P., E. R. Johnston and E. R. Eisenberg (2004). *Vector Mechanics For Engineers: Statics*, 7th Ed (Int.). New York: McGraw Hill.
- iv. Meriam J.L. and L. G. Kraige (1996). *Engineering Mechanics, Vol 1: Statics*, 4th Ed. Canada: John Wiley & Sons.
- v. Beer, F P and Johnson, E. R. (1990). *Vector Mechanics For Engineers: Static and Dynamics*. Singapore: McGraw Hill.
- vi. Meriam J.L. & L.G. Kraige. (2003). *Engineering Mechanics: Dynamics. S.I. Edition*. John Wiley & Sons.
- vii. Yusof bin Ahmad (1999) *Mekanik Statik*. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- viii. Yusof bin Ahmad (1998) *Mekanik Dinamik*. Johor Bahru: Penerbit UTM.

ECA2113 Mekanik Bendalir (Fluid Mechanics)

Kredit (Credit) : 3

Sinopsis (Synopsis):

Kursus ini ialah untuk memberikan pengetahuan, kefahaman dan kemampuan dalam memahami prinsip asas mekanik bendalir. Fokus kursus ini adalah mekanik bendalir yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam. Ia merangkumi prinsipal hidrostatik dan hidrodinamik, aplikasi prinsipal keselantaran, momentum dan tenaga dan aplikasinya dalam aliran di dalam konduit. Kursus bertujuan memperkenalkan kepada pelajar prinsip mereka bentuk dan kaedah pengendalian ujikaji makmal berkaitan dengan mekanik bendalir. Pelajar juga akan diajar kaedah menganalisa dan menterjemah data yang diperolehi menerusi ujikaji makmal.

This course is to develop knowledge and understanding in the fundamental of fluid mechanics. This course focusses on fluid mechanic in civil engineering field. It will include, principle of hydrostatic and hydrodynamic, application of continuity principle and application of momentum and energy in conduit flow. This course also will exposed student with how to design and handle fluid mechanics laboratory work. They also will learn how to interpret data based on lab results.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. Donald D. Gray. 1999. *A First Course in Fluid Mechanics for Civil Engineers*. 3rd Edition.
- ii. Bruce R. Munson, Donald F. Young, Theodore H. Okiishi. 2005. *Fundamentals of Fluid Mechanics*. 5th Edition.
- iii. Fatimah, M.N., Faridah, J.S. dan G.K. Goh. 1991. *Mekanik Bendalir untuk Kejuruteraan Awam*. UTM, Johor: Unit Penerbitan Akademik.
- iv. French, R.H. 1986. *Open-Channel Hydraulics*. New York: McGraw-Hill.
- v. Robertson, J.A. and C.T. Crowe. 1985. *Engineering Fluid Mechanics*. 3rd. Edition. New York: Houghton Mifflin.
- vi. Duncan, W.J., Thom, A.S. and A.D. Young. 1970. *Mechanics of Fluids*. 2nd. Edition. London.

ECA 2123 Mekanik Bahan (Mechanics Of Materials)

Kredit (Credit): 3

Pra-Syarat (Pre-Requisite) :ECA1223 Mechanics of Material

Sinopsis (Synopsis):

Matlamat kursus ini ialah memberi kefahaman pada pelajar tentang kelakuan jasad padu yang terbentuk dari bahan yang berlainan dan terdiri dari pelbagai bentuk yang mana apabila dikenakan daya akan berlaku perubahan bentuk dan juga terhasil tindakbalas dalaman. Oleh itu, untuk mencapai matlamat di atas, beberapa penekanan telah diberikan pada sebahagian aspek yang dianggap penting. Penekanan telah diberikan ke atas tegasan, terikan, dan juga anjakan linear yang berlaku ke atas jasad akibat dari pelbagai bentuk pembebanan seperti beban paksian, perubahan suhu, kilasan, lenturan dan juga beban melintang.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. Ferdinand P. Beer, E Russell Johnston Jr., John T. De Wolf . 2002. *Mechanics of Materials*. 3rd Editon: McGraw-Hill International Edition.

- ii. Madhukar Vable. 2002. *Mechanics of Materials*: Oxford University Press.
- iii. James M. Gere. 2000. *Mechanics of Materials*. 5th Edition: Brooks/ Cole Thomson Learning.
- iv. Ferdinand P. Beer, E Russell Johnston Jr. 1992. *Mechanics of Materials*. 2nd Edition: McGraw-Hill Book Company.
- v. R. C. Hibbeler. 2003. *Mechanics of Materials*. 5th Edition: Pearson Education Inc.
- vi. James M. Gere, S. P. Timoshenko. 1997. *Mechanics of Materials*. 4th Edition. \ New York: PWS Engineering Warsdworth International

ECA2133 Teknologi Bahan Dan Pembinaan (*Construction Materials And Technology*)
Kredit : 3

Sinopsis (*Synopsis*):

Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman mengenai sifat-sifat fizikal dan kejuruteraan bahan-bahan binaan yang sering digunakan dalam industri pembinaan seperti kayu, logam ferus dan bukan ferus, polimer, seramik dan bahan-bahan masonri seperti batu bata, mortar, blok mortar dan konkrit. Kursus ini memberi tumpuan lebih kepada pembuatan konkrit dari ciri-ciri komponen-komponen konkrit dan kaedah reka bentuk perkadaran bancuhan menurut kaedah British Standard. Kursus ini juga meliputi beberapa topik di dalam teknologi pembinaan berkaitan projek kejuruteraan awam.

The objective of this course is to provide solid background knowledge to student's on the properties and behavior of construction materials such concrete, timber, metals, masonry, polymer, and ceramic. Topics for the course are more focus on the study of the property of fresh and hardened concrete accordance to the British Standard . The course also covers various topics on construction technology in civil engineering project.

Bahan Bacaan/ Rujukan (*Reading Materials/ References*):

- i. Kamarudin Mohd Yusof, 2005, *Teknologi Bahan*. Nota kuliah <http://pkukmweb.ukm.my/~drkmy/tekno/>
- ii. Kamarudin Mohd Yusof, 1995, *Pengenalan Kekuatan & Ketahananlasakan Konkrit*, DPB K.Lumpur
- iii. Eaton, RA dan Hale, MDC. 1993. *Wood*. Chapman and Hall
- iv. Mehta, P.K. dan Monteiro, P.J.M. 1993. *Concrete: Structure, Properties and Materials*. 2nd Edition. Prentice Hall.
- v. Mindess, S. dan Young, J.F., 1981. *Concrete*. Eaglewood Cliffs: Prentice Hall.
- vi. Neville, Am, and Brooke JJ, 1990, *Concrete Technology*. Longman ELBS
- vii. Gambhir, ML, 1986, *Concrete Technology*, Tata McGraw-Hill. New Delhi.
- viii. Bungey, JH. 1994, *Testing of Concrete in Structures*. Blackie Academic& Professional. London. 2nd Ed.

ECA 2143 Grafik Dan Lukisan Kejuruteraan (*Graphic And Engineering Drawing*)
Kredit(Credit) : 3

Sinopsis (*Synopsis*):

Kursus ini meliputi asas-asas reka bentuk dan kemahiran membangunkan lukisan kejuruteraan menggunakan kaedah lukisan secara manual dan juga menggunakan perisian komputer seperti

AutoCAD. Pelajar akan diajar prinsip-prinsip asas lukisan kejuruteraan seperti saiz lukisan, jenis-jenis garisan, tulisan, simbol lazim, unjuran sudut pertama dan ketiga, unjuran ortografik, isometrik dan mendimensi. Pelajar juga akan diperkenalkan kepada piawai dalam lukisan kejuruteraan untuk Kejuruteraan Awam.

This course covers knowledge and understanding of fundamental engineering drawing, graphic skills and able to read, interpret and understand drawings by manual and computer software (AutoCAD). Students will be taught the basic principles of engineering drawing such as drawing size, type of line, font, orthographic, isometric and dimension. Students also will be introduced with standards in engineering drawing especially in civil engineering field.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. Bertoline, G.R. and Wiebe, E.N. 2005. *Fundamental of Graphics Communication*, 4/e, New York: McGraw-Hill.
- ii. Giesecke, F.E., Mitchell, A, Spencer, H.C., Hill, I.L., Dygdon, J.T. and Novak, J.E. 2002. *Technical Drawing*, 12/e, New Jersey: Prentice Hall.
- iii. Lamit, L.G., Kitto, K.L, Shull, J.I. and Higgins, J.J. 1997. *Engineering Graphics and Design: with Graphic Analysis*. St. Paul, Minnepolis: West Publishing Company.
- iv. Dix, M. And Riley, P. 2005. *Discovering AutoCAD 2005.*, New Jersey: Prentice Hall.
- v. Yarwood A. 2004. *Introduction to AutoCAD 2004 : 2D and 3D Design*. London: Prentice Hall.

ECA2213 Hidrologi Kejuruteraan (Engineering Hydrology)

Kredit (Credit): 3

Sinopsis (Synopsis):

Kursus ini meliputi kitaran hidrologi serta komponennya, kawasan tadahan, serta hubungan antara hujan, bentuk gunatanah dan jumlah larian permukaan. Kursus ini juga akan memberikan kemahiran dan kemampuan untuk menganalisa data-data hidrologi termasuk data hujan, data kadaralir, kadar penyusupan dan bentuk gunatanah. Pengenalan kepada peramalan banjir akan ditekankan bersama dengan analisis asas dan konsep rekabentuk berdasarkan garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA). Analisis Frekuensi adalah topik terakhir yang akan dibincangkan dalam subjek ini. Pengenalan ringkas tentang proses modeling hidrologi akan diperkenalkan sebagai keperluan asas dalam pemahaman terhadap empirikal dan konsep modeling berangka.

This course covers hydrological cycle and its components, catchment area, relationship between rainfall, land use and total runoff. This course also will give skills and ability to analyze hydrological data including rainfall data, flow rate data, infiltration rate and the land use. Some processes will be discussed in more detail as compared to the others. An introduction to flood estimation will be highlighted together with the basic analysis and concept design in accordance to local guideline of Urban Storm water Management Manual for Malaysia (MASMA). Frequency analysis is the final topic to be discussed in this subject. A brief introduction to the hydrological modeling processes will be introduced as a basic requirement to the understanding to the empirical and numerical modeling concepts.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. David A. C., (2006). *Water-Resources Engineering*. 2nd Edition. Pearson International Edition.
- ii. Ayob K. Zulkifli Y. Kawi B., (2007). *Hidrologi Asas*. Pearson Prentice Hall.
- iii. Chow V.T., Maidment D.R., dan Mays L.W. 1988, *Applied Hydrology*, New York, Mc Graw Hill International
- iv. Bedient, P.B. dan Huber, W.C. 1992. *Hydrology and Floodplain Analysis*. New York: Addison Wesley Publishing Company
- v. McCuen R.H., 1988, *Hydrological Analysis and Design*, New York: Prentice Hall.
- vi. Ponce V.M., 1989, *Engineering Hydrology, Principles and Practices*. New York: Prentice Hall
- vii. Viessman Jr.W., Lewis G.L. dan Knapp J.W. 1989, *Introduction to Hydrology*. New York: Harper Collins.

ECA2223 Mekanik Struktur (*Mechanics Of Structure*)

Kredit (*Credit*): 3

Pra-Syarat (*Pre-Requisite*) :ECA2123 Mechanics of Material

Sinopsis (*Synopsis*):

Matlamat kursus ialah untuk memberi kefahaman kepada kelakuan struktur boleh tentu secara statik dan tidak boleh tentu secara statik yang mengalami beban keanaan daripada pelbagai jenis. Kursus ini menekankan kepada kaedah analisis terhadap rasuk, kerangka, kekuda, kabel dan gerbang dengan menggunakan persamaan keseimbangan statik. Penggunaan kaedah garis imbas, teori rasuk anjal, teorem momen luas dan pelbagai teori analisis struktur yang lain digunakan untuk mengira anjakan, pesongan, kelengkungan, kecerunan, dan sebagainya. Manakala bagi analisis struktur tak tentuan statik, kaedah anggaran, kaedah daya, pesongan cerun dan agihan momen akan digunakan bagi mendapatkan tindakbalas, ricih, momen dalaman, pesongan, cerun dan pergerakan sokongan. Selain daripada kuliah, ujikaji makmal juga dijalankan bagi menerangkan secara amali aplikasi teori yang diberikan di dalam kuliah dalam bentuk praktikal. Kursus ini juga mengandungi penyelesaian beberapa masalah struktur dengan menggunakan perisian komputer.

This is a core course. It will expose the students to the mechanics of structures and fundamental of structural analysis. The topics covered include introduction to structures and loads, analysis of statically determinate structures and trusses, analysis of cables and arches, influence lines, analysis of statically indeterminate structures, analyse deflections and displacement using various methods. The course includes laboratory work and exposure to structural analysis software.

Bahan Bacaan/ Rujukan (*Reading Materials/ References*):

- i. Hibbeler, R.C. 1999. *Structural Analysis*. 4th. Edition. New Jersey: Prentice-Hall.
- ii. Bedford, A. & W. Fowler. 1995. *Statics Engineering*. London: Addison-Wesley.
- iii. Ghali, A. & A.M. Neville. 1982. *Structural Analysis*. London: Chapman & Hall.
- iv. Logie, K.F. 1991. *Structure-Basic Theory including Sample Problems (Malay translation)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- v. Marshal, W.T. & H.M. Nelson. 1990. *Structures*. 3rd. Edition. London: Longman

ECA2233 Geoteknik 1 (*Geotechnique I*)

Kredit (*Credit*): 3

Sinopsis (Synopsis):

Matlamat kursus ini ialah untuk mendedahkan pelajar kepada asas geologi dan geoteknik dengan memberikan tumpuan kepada aplikasi dan amalan dalam geoteknik melalui latihan-latihan berbentuk makmal dan tugas. Pendedahan permulaan diberikan untuk memahami prinsip-prinsip asas geologi serta penggunaannya dalam kejuruteraan awam ataupun kejuruteraan geoteknik. Pengenalan kepada batuan Igneus, ekanan dan metamorf; proses-proses permukaan, struktur-struktur dalam geologi, interpretasi peta geologi, plat tektonik dan formasi batuan di Malaysia. Bahagian kedua kursus melibatkan pengajian prinsip asas kejuruteraan geoteknik seperti ciri-ciri asas tanah, pengkelasan, pemadatan, kebolehterlapan, resipan dan prinsip tegasan berkesan dalam tanah juga diberi penekanan. Antara tajuk-tajuk yang di tumpukan ialah tegasan-tegasan tanah, kekuatan, pengukuhan, kesetabilan cerun dan penyiasatan tapak. Kelakuan sifat-sifat tanah pasir dan tanah lempung juga ditekankan supaya pelajar dapat membuat perbandingan sifat-sifat ini bagi maksud reka bentuk. Kerja-kerja makmal menjadi komponen penting dalam kursus ini dimana ujikaji-ujikajinya termasuk ujian ricih terus, mampatan tak terkurung, ujian paksi tiga dan juga ujian pengukuhan, had-had Atterberg, ujian hidrometer dan ujian pemadatan.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. Das, B.M. 2002. Principles of Geotechnical Engineering. 4th. Edition. Boston: PWS.
- ii. McCarthy, D.F. 1998. Essentials of Soil Mechanics and Foundations. 5th. Edition. New Jersey: Prentice-Hall.
- iii. Bardet, J.P. 1997. Experimental Soil Mechanics. New Jersey: Prentice-Hall.
- iv. Beavis, F.C. 1992. Geologi Kejuruteraan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- v. West, T.R. 1995. Geology Applied to Engineering. New Jersey: Prentice-Hall.
- vi. Waltham A.C. 1994. Foundation of Engineering Geology, Blackie Academic & Professional

ECA2243 Geomatik (Geomatic)

Kredit (Credit) : 3

Sinopsis (Synopsis):

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kefahaman dan kebolehan dalam bidang ukur kejuruteraan. Para pelajar akan didedahkan kepada kerja lapangan untuk membina kemahiran menggunakan alat-alat ukur seperti pengaras, teodolit dan GPS. Di antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah redahan, takimetri, pemetaan, pemancangan, penyegitigaan, rekabentuk geometri, penjajaran datar dan tegak, isipadu kerja tanah dan rajah jisim-angkut, fotogrametri, *remote sensing* dan ukur hiderografik. Pada penghujung semester, pelajar dikehendaki menjalani khemah ukur untuk menjalankan ukur tanah di lapangan secara menyeluruh.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. McCormac, J.C., 1991. Surveying : Fundamentals, 2nd. Ed., Prentice Hall, Englewood Cliffs, New Jersey.
- ii. Shepherd, F.A., 1981. Advanced Engineering Surveying - Problem & Solution, Edward Arnold, London.
- iii. Uren, J. dan W.F. Price, 1983. Surveying for Engineers, The Macmillan Press Ltd. & ELBS, London.

- iv. Sickle J.V., 1996, GPS for land surveyor, Ann Arbor Press Inc.
- v. Kennedy, M, 1996, The Global Positioning System and GIS: An Introduction, Ann Arbor Press Inc.

ECA3113 Bekalan Air Dan Pembentungan (*Water Supply And Sewerage Treatment*)

Kredit (*Credit*) : 3

Prasyarat (*Pre-requisite*): ECA2113 Mekanik Bendalir

Sinopsis (*Synopsis*):

Kursus ini mengandungi dua cabang utama kejuruteraan awam, iaitu berkaitan dengan bekalan air dan kejuruteraan air sisa. Topik bagi bekalan air meliputi kitaran hidrologi, penentuan sumber air, takat ambil air, komponen rawatan bekalan air, kawalan kualiti air dan pembasmian kuman serta sistem agihan air. Manakala bagi kejuruteraan air sisa, topik yang diajar meliputi perundangan yang melibatkan pengurusan air sisa, ciri-ciri air sisa dan kesan ke persekitaran, kaedah pembentungan, pelupusan bahan terampai dan bahan organik terlarut dan koloid menggunakan proses fizikal, kimia dan biologi. Selain dari itu, pelajar juga didedahkan dengan kaedah pelupusan bahan nutrien dan pengurusan enapcemar.

This course consists of two main topics in Civil Engineering; water supply and sewerage treatment. Water supply consists of hydrological cycle, water resources determination, water intake level, water quality control, and disinfection and water distribution. Mean while, sewerage treatment consist of wastewater management law, wastewater properties and its effects to environment, sewerage method, disposal of suspended material, dissolved organic material and colloid using physical, chemical, and biological process. Other than that, students are also to be exposed to the disposal of nutrients material and waste settlement management.

Bahan Bacaan/ Rujukan (*Reading Materials/ References*):

- i. Hammer M.J., 1996: Water and Wastewater Technology. 3rd Edition Prentice-Hall Inc.
- ii. Warren V., 1993. Water Supply and Pollution Control. 5th Edition. Harper Collins.
- iii. American Water Works Association/American of Society of Civil Engineer 1998. Water Treatment Plant Design. 3rd Edition. McGraw Hill.
- iv. Metcalf and Eddy, 1991. Wastewater Engineering: Treatment Disposal and Reuse. McGraw Hill.
- v. Malaysian Water Association 1998. Guideline for Developers:
Volume 1: Sewerage Policy for New Development
Volume 2: Sewerage Works Procedure
Volume 3: Sewer Networks and Pumping Stations
Volume 4: Sewage Treatment Plants
Volume 5: Septic Tanks

ECA3123 Analisis Struktur (*Structural Analysis*)

Kredit (*Credit*): 3

Prasyarat (*Pre-requisite*): ECA2223 Mekanik Struktur (*Mechanics of Structure*)

Sinopsis (Synopsis):

Matlamat kursus ialah untuk memberikan pengetahuan kepada berbagai kaedah dan analisis yang boleh digunakan dalam menyelesaikan masalah struktur yang menerima pelbagai bentuk beban. Analisis dijalankan untuk menentukan tindakbalas, ricih dan momen dalaman, pesongan, cerun dan pergerakan sokongan. Antara kaedah yang dibincangkan dalam kursus ini ialah kaedah matriks kebolehlenturan dan kaedah matriks kekukuhan bagi komponen rasuk, kerangka dan kekuda. Analisis ke atas anggota struktur tak prismatic juga turut disentuh. Kursus ini juga merangkumi kepada masalah lengkokan dan ketakstabilan tiang, analisis plastik, analisis garis alah, kilasan dan analisis keratan dinding nipis. Aplikasi penyelesaian kaedah analisis struktur secara berkomputer akan turut didedahkan kepada pelajar.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. Aslam Kassimali. 1999. *Structural Analysis*. 2nd Edition. PWS.
- ii. Coates, R.C., M.G. & Kong, F.K. 1988. *Structural Analysis*. 3rd Edition. London : Chapman Hall.
- iii. Chajes, A. 1990. *Structural Analysis*. 2nd Edition. Prentice Hall.
- iv. Hibbeler, R.C. 2005. *Structural Analysis*. SI Edition. Prentice Hall.
- v. Marshall & Nelson revised by Bhatt, P. & Nelson, H.M. 1990. *Structures*. 3rd Edition. Longman.

ECA3133 Geoteknik 2 (Geotechnique 2)

Kredit (Credit) : 3

Prasyarat (Pre-requisite) : ECA2233 Geoteknik 1 (Geotechnique 1)

Sinopsis (Synopsis):

Matlamat dan objektif utama kursus ini untuk memperkenalkan sifat-sifat asas tanah yang penting termasuk kekuatan tanah untuk rekabentuk geoteknik, dan faktor-faktor yang berhubungan. Pelajar-pelajar seterusnya diperkenalkan kepada kerja-kerja makmal yang berkaitan untuk mendapatkan parameter-parameter geoteknik yang di bincangkan di dalam kursus ini. Aplikasi ke dalam struktur geoteknik juga dibincangkan supaya para pelajar dapat merasai kepentingan pembelajaran teori yang diberikan di dalam syarahan.

Kursus juga meliputi rekabentuk geoteknik seperti rekabentuk cerun dan *embankments*, tapak, dinding graviti, *embedded walls*, cerucuk dan *anchorages*. Juga pengenalan kepada Eurocode 7 dan penggunaan perisian berkaitan kerja geoteknik..

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. Das, B.M. (2004), *Principles of Geotechnical Engineering*, 5th Ed., Boston PWS.
- ii. McCarthy, D.F.(1998) *Essentials of Soil Mechanics and Foundations*, 5th Ed., New Jersey, Prentice Hall.
- iii. Cernica, J.N. (1995) *Geotechnical Engineering: Soil Mechanics*, John Wiley and Sons.
- iv. Bardet, J.P. (1997) *Experimental Soil Mechanics*, New Jersey, Prentice Hall.
- v. Al-Khafaji, A.W., and Andersland, O.B. (1992) *Geotechnical Engineering and Soil Testing*. New York: Sounder College Publishing.
- vi. *Foundation Engineering*.

ECA3143 Kejuruteraan Jalan Raya (Highway Engineering)

Kredit (Credit) : 3

Sinopsis (Synopsis):

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kefahaman dan sintesis dalam bidang-bidang utama dalam kejuruteraan jalan raya. Penekanan diberi kepada bahan-bahan dan peralatan kejuruteraan jalan raya (Highway Engineering tools and Materials), lokasi jalan raya dan rekabentuk (Highway Location and Design), rekabentukan turapan, pemeliharaan dan pemuliharaan turapan (Pavement Design and Rehabilitation). Pelajar-pelajar akan diajar mengenai mesin-mesin yang digunakan dalam bidang pembinaan jalan raya, bahan-bahan binaan jalan raya, pengiraan kerja tanah (Earthwork calculations), rekabentuk turapan anjal dan turapan tegar, rekabentuk geometri jalan raya, kaedah pemeliharaan dan pemulih-haraan turapan. Pelajar juga akan didedahkan cara penggunaan perisian MX Road untuk rekabentuk geometri jalan. Pelajar dikehendaki menjalankan uji kaji di makmal jalan raya untuk melaksanakan amali yang ditentukan dan projek dengan menggunakan perisian MX Road. Pelajar harus menulis laporan mengenai tiap-tiap amali dan projek di samping menganalisis dan menyelesaikan masalah yang dikemukakan dalam amali dan tutoran.

Bahan Bacaan/ Rujukan (Reading Materials/ References):

- i. Wright, P.H. 2006. *Highway Engineering*. 7th. Ed. New York: John Wiley. (Buku Teks)
- ii. Manual on Pavement Design. Arahan Teknik Jalan 5/85. Jabatan Kerja Raya.
- iii. Manual on Geometric Design of Roads. Arahan Teknik Jalan 8/86. Jabatan Kerja Raya.
- iv. Manual on Geometric Design of Roads. Road Engineering Association Malaysia.
- v. Brockenbrough, R.L., Boedecker, K.J. 2003. *Highway Engineering Handbook*. 2nd Edition. New York: McGraw-Hill.
- vi. Papagiannakis, A.T., Masad, E.A. 2007. *Pavement Design and Materials*. 1st Ed. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc. Huang, Y.H. *Pavement Analysis and Design*.

ECA 3152 Pengenalan Rekabentuk Kejuruteraan (Cornerstone Project)

Kredit (Credit) : 2

Sinopsis (Synopsis):

Matlamat kursus ini ialah memberikan pendedahan dalam melakukan reka bentuk kejuruteraan projek kejuruteraan awam di samping memberikan latihan bekerja secara berkumpulan dan bertanggungjawab menjalankan tugas secara individu. Pelajar akan diberikan satu lakaran tapak kawasan pembinaan atau melawat ke suatu kawasan cadangan pelaksanaan pembinaan. Pelajar akan dilatih untuk menyediakan rekabentuk dan lukisan kejuruteraan dengan menggunakan ilmu-ilmu asas yang telah mereka perolehi semasa di tahun asas, matrikulasi serta semester terdahulu. Pelajar perlu membuat pelan susunatur bangunan, membuat kajian tapak (Site Investigation) dan laporan berkaitan, dan membuat setting-up tapak untuk kerja tanah dan pembinaan.

